



ISLAMIC SAVOUR • OBEEDIENCE

## JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

# KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah kod bidang yang berkaitan dan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi tender berikut:-

NO. TENDER	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT
JAIS.UPP.400-5/8/3 (26/29)	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS), Kuarters, Dewan Syarahan Dan Muzakarah Islam Dan Dewan Jamuan MSSAAS, Shah Alam	220801 & Lesen Kawalan Keselamatan (KDN)	Tarikh : 19 Mei 2026 (Selasa) Masa : 10.30 pagi Tempat : Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS), Shah Alam
JAIS.UPP.400-5/8/10 (26/28)	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS) Shah Alam	220801 & Lesen Kawalan Keselamatan (KDN)	Tarikh : 20 Mei 2026 (Rabu) Masa : 9.30 Pagi Tempat : Bilik Kuliah Sakinah, Aras G, Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS), 40476 Shah Alam
JAIS.UPP.400-5/8/1 (26/28)	Tender Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Dan Membersih Kawasan Dan Menyelenggara Lanskap Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS) Shah Alam	221001 - Pembersihan Bangunan Dan Pejabat 221002 - Membersih Kawasan	Tarikh : 20 Mei 2026 (Rabu) Masa : 2.30 Petang Tempat : Bilik Kuliah Sakinah, Aras G, Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS), 40476 Shah Alam

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti butiran di atas. Hanya penama dalam pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan hadir ke sesi taklimat. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat. Kegagalan menghadiri taklimat tender akan menyebabkan petender **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam tender tersebut.

Petender hendaklah menyediakan cop syarikat, salinan Kad Pengenalan Penama, salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) seperti kod bidang yang disenaraikan di atas, salinan Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya berkaitan) dan Salinan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) (untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan) yang masih sah tempohnya untuk pengesahan sebelum dibenarkan menghadiri taklimat dan membeli dokumen. Satu (1) set sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan JAIS ini semasa menghadiri taklimat.

Naskah meja tawaran boleh disemak di **Seksyen Perolehan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 8, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam** pada waktu pejabat bermula **19 Mei 2026 (Selasa)**

Harga Dokumen Tender ialah **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)**. Dokumen Tender hanya dijual secara dalam talian. Bayaran hendaklah dibuat melalui Sistem Penjualan Dokumen Tender Dan Sebutharga Negeri Selangor di laman <http://tender.selangor.my> mulai **22 Mei 2026 (Jumaat)**. **Dokumen Tender hanya boleh diambil oleh pemilik syarikat secara fizikal** dengan mengemukakan Resit Pembelian Borang Tender ke **Seksyen Perolehan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 8, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam** pada waktu pejabat. Hanya satu (1) dokumen tender dibenarkan untuk seorang pemilik syarikat.

Dokumen atau Borang Tawaran Tender hendaklah dibuat mengikut format borang yang telah ditetapkan dan diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan nombor tender di sebelah atas kiri sampul surat tersebut dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**Pengarah**  
**Jabatan Agama Islam Selangor,**  
**Unit Pentadbiran Dan Perolehan**  
**Tingkat 8, Menara Selatan,**  
**Bangunan Sultan Idris Shah,**  
**40676 Shah Alam, Selangor.**

Tarikh tutup tender adalah pada **15 Jun 2026 (Isnin) jam 12.00 Tengahari**. Tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana permohonan tender yang dikirimkan melalui pos. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pejabat ini di talian 03-5514 3453.